

PEKELILING PENTADBIRAN

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) -
KEMASUKAN SEMULA PELAJAR SECARA FIZIKAL MULAI MAC 2021 DARI ZON PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP),
ZON PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB), ZON MERAH ATAU KAWASAN BERISIKO PANDEMIK
COVID-19**

Merujuk kepada kenyataan media Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bermula Mac 2021 dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bertarikh 02 Februari 2021 adalah berkaitan.

2. Pihak Universiti telah menyediakan pelan kemasukan secara berperingkat mengikut kategori pelajar seperti berikut:
 - i. Pelajar berstatus “Tidak Selesai” dan semester II Sesi 2019/2020 dan Semester I Sesi 2020/2021;
 - ii. Pasca Siswazah Tahun Akhir Mod Penyelidikan yang perlu menggunakan makmal;
 - iii. Pelajar yang mempunyai kursus yang melibatkan PdP fizikal seperti bengkel, studio, makmal atau peralatan khusus;
 - iv. Pelajar yang menduduki peperiksaan akhir tahun dalam kampus UTM;
 - v. Pelajar dalam kes-kes khas (selain yang dinyatakan di atas); dan
 - vi. Pelajar yang menghadapi pembelajaran yang tidak kondusif seperti masalah internet, ruang belajar di kediaman, keluarga dan lain-lain.
3. Sehubungan itu, pelajar-pelajar yang terlibat diminta mengambil maklum dan proses kemasukan adalah berdasarkan permohonan dari pelajar.
4. Pelajar pra siswazah perlu memohon kepada pihak Sekolah/Fakulti dan disokong oleh penasihat akademik masing-masing, manakala bagi pelajar pasca siswazah permohonan perlu melalui Sekolah/Fakulti dan disokong oleh Penyelia.
5. Semua permohonan akan diselaras dan dipertimbangkan di peringkat Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar.
6. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pelajar kemudiannya perlu mendapatkan permit merentas daerah dan negeri yang boleh diperolehi dari pihak PDRM.

7. Semua pelajar adalah diminta untuk menjalani proses pengasingan (isolasi) selama tempoh **10 hari**. Manakala bagi pelajar dari Sabah dan Sarawak tempoh pengasingan (isolasi) adalah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negeri Sabah dan Sarawak. Ini termasuk juga syarat Ujian Calitan (*Swab Test*).
8. Sebaik selesai menjalani isolasi pelajar dibenarkan menginap di Kolej Kediaman yang akan ditentukan oleh Kluster Hospitaliti, UTM.
9. Kos penginapan semasa isolasi adalah di bawah tanggungan pihak Universiti. Walau bagaimanapun, kos makan minum sepanjang tempoh isolasi adalah di bawah tanggungan pelajar.
10. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **15 Februari 2021**.
11. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pelajar boleh menghubungi talian Hotline HEP di no **011-1868 7022/ 019-731 0674- (JTNCHEP UTM JB)**, Facebook JTNCHEP: **UTM Student Affairs**, Emel Helpdesk JTNCHEP: (helpdesk.hep@utm.my, tphep@utm.my) dan bagi pelajar UTMKL no hotline - 010-404 0277 (**JTNCHEP UTM KL**), Facebook **heputmkl**.

Sekian, terima kasih.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- s.k. : Naib Canselor
- : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - : Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - : Pendaftar
 - : Pengarah Bahagian Keselamatan